

Bagi dikomersialkan di pasaran secara meluas

USIM bakal hasil madu lebah

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 3 Julai - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat meneroka bidang penyelidikan kan madu lebah bagi menghasilkan produk yang berpotensi dikomersialkan di pasaran secara meluas.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, pihak universiti mempunyai tenaga pakar dan kemudahan makmal penyelidikan yang lengkap untuk tujuan tersebut.

"Kita juga telah kenal pasti lokasi yang sesuai untuk membangunkan sebuah ladang ternakan lebah bagi penghasilan madu dalam usaha merealisasikan usaha mumi ini," katanya selepas melawat ladang ternakan lebah al-Qanaah Resources Sdn. Bhd di Hutan Simpan Ulu Sedili Tambahan, Johor, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, madu lebah amat berpotensi dalam penggunaan serta penghasilan produk kesihatan selain menjadi makanan tambahan

Kita yakin dengan penghasilan madu lebah yang mempunyai kualiti rasa dan khasiat yang tinggi secara tidak langsung mampu mendapat permintaan yang tinggi di pasaran jika dikomersialkan

DR. MUHAMAD MUDA
Naib Canselor USIM

serta bahan bagi merawat penyakit tertentu yang telah menjadi amalan sejak dahulu lagi.

"Ini kerana madu lebah mempunyai pelbagai khasiat yang turut dinyatakan dalam al-Quran termasuk melalui kajian saintifik.

"Maka, kita yakin dengan penghasilan madu lebah yang mempunyai kualiti rasa dan khasiat yang tinggi secara tidak langsung mampu mendapat permintaan yang tinggi di pasaran jika dikomersialkan," ujarnya.

Terdahulu, peserta rombongan USIM ke ladang berkenaan diberi pendedahan dan penerangan berkaitan proses penghasilan madu lebah secara terperinci.

Kesemua peserta turut berkesempatan melihat penghasilan bahan lain selain madu seperti royal jelly, bee pollen, propolis yang dihasilkan lebah tanpa penggunaan bahan sintetik mahupun campuran kimia walaupun menggunakan teknologi terkini.



MUHAMAD Muda (Kanan) melihat proses penghasilan madu lebah ketika rombongan USIM melawat ladang ternakan lebah al-Qanaah Resources Sdn. Bhd. di Hutan Simpan Ulu Sedili Tambahan, Johor, baru-baru ini.